

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD [KANGAR]

TARIKH : 04 OGOS 2020 (SELASA)

SOALAN

YB TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD [KANGAR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada pelajar di luar negara tajaan Kerajaan atau syarikat berkaitan Kerajaan akan diminta menyambung pengajian di dalam negara terutama pelajar di negara yang masih terjejas dengan perintah kawalan berkurung atau pergerakan kerana COVID-19 serta mereka yang pernah dikesan positif COVID-19.

JAWAPAN

**YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN
UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) selaku agensi yang menguruskan penajaan pelajar ke luar negara sangat prihatin terhadap isu berkaitan penularan pandemik wabak COVID-19 di negara-negara yang mempunyai pelajar tajaan JPA. Dalam hal ini, JPA melalui Pejabat Penasihat Pendidikan dan Latihan (PPL) yang beroperasi di lapan (8) buah negara melaksanakan pemantauan rapi kedudukan dan status terkini pelajar.

2. Pada masa kini, pelajar tajaan JPA di luar negara masih lagi meneruskan pengajian sama ada menerusi kelas secara atas talian (online) atau bersemuka. Kaedah pembelajaran ini tertakluk kepada keperluan pengajian dan peraturan yang ditetapkan oleh universiti. Sehubungan itu, pada masa ini, Kerajaan melihat tiada keperluan untuk meminta pelajar luar negara untuk menyambung pengajian di dalam negara berikutan kedudukan pengajian mereka tidak terjejas.

Sekian, terima kasih.